



MASYARAKAT MUHIBAH



Aktiviti

Bersoal jawab berdasarkan gambar.



RAKAN SEKELAS



Mendengar dan Bertutur

Kawan Baharu

Ini kawan baharu kita. Namanya Prema.

Apa khabar, Prema?

Kamu tinggal di mana?

Khabar baik, terima kasih.

Adik-beradik kamu berapa orang?

Tarikh lahir kamu bila?

SK TAMAN MUHIBAH, TANJONG MALIM, PERAK BORANG BIODATA MURID

Nama Murid:	Prema a/p Pravin
Tarikh Lahir:	18 Januari 2010
Alamat:	No. 2, Jalan Perpaduan, Taman Muhibah, 35900 Tanjong Malim, Perak.
Bilangan Adik-beradik:	3 orang

Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap soalan.



- Bimbing murid memberikan respons yang betul terhadap soalan.

KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Pembelajaran Kontekstual

1.1.2 (i)
BA: 23



Membaca

Rina dan kawan-kawannya membawa Prema melawat kawasan sekolah. Prema seronok melihat suasana sekolah baharunya.



padang



stor sukan



pejabat



koridor



bilik kaunseling



tandas



makmal komputer



kantin

Aktiviti

Membaca perkataan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



- Bimbing murid membaca perkataan dua dan tiga suku kata dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Kemudian, minta murid menunjukkan kawasan sekolah seperti dalam gambar.

KB – Menghubungkan
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

KP - Kinestetik



Menulis

Hadiah untuk Sahabat

Ai Lin pergi melancong bersama-sama ahli keluarganya. Dia turut tidak lupa akan kawan-kawannya. Dia membeli hadiah untuk mereka.



Aktiviti

Membina dan menulis perkataan dengan betulnya.



- Bimbing murid membina perkataan berdasarkan gambar.
- Minta murid menulis perkataan yang dibina dengan tulisan yang kemas.

KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Pembelajaran Kontekstual

3.2.1 (i)
BA: 25



Kata Nama Khas

Sehari di Sekolah



Nama saya Ai Lin. Saya belajar di Sekolah Kebangsaan Taman Muhibah, Tanjong Malim. Kawan baik saya Rina, Halim dan Prema. Kami belajar di Kelas Tahun 1 _____.

Aktiviti

Menulis ayat dengan menggunakan kata nama khas dengan betulnya.

Bijak Bahasa:

Kata nama khas ialah kata yang merujuk khusus kepada orang, tempat atau benda.
Contoh:
orang – Adam
tempat – Kuala Lumpur
benda – Proton Saga



- Bimbing murid mengenal pasti kata nama khas dalam teks.
 - Bimbing murid menulis ayat berdasarkan gambar dengan menggunakan kata nama khas.
- KB – Menganalisis
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi
- Pembelajaran Kontekstual

5.1.1 (ii)
BA: 26



Kata Ganti Nama

Terima Kasih, Sahabat



Halim: Sudahkah **kamu** bertiga siapkan latihan Matematik?

Ai Lin: Belum, Halim. **Kami** tidak tahu membuatnya.

Prema: Bolehkah **kamu** tunjukkan?

Halim: Boleh. Mari **saya** tunjukkan.

Rina: Oh, baru **saya** faham! Terima kasih kerana sudi mengajar **kami** bertiga, Halim.

Halim: Sama-sama. **Kita** rakan sekelas haruslah tolong-menolong.

Aktiviti

Melengkapkan dialog dengan menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai.

Bijak Bahasa:

Kata ganti nama diri ialah kata yang menjadi pengganti nama orang.
Kata ganti nama diri pertama: saya, kita, kami
Kata ganti nama diri kedua: kamu, engkau, awak
Kata ganti nama diri ketiga: dia, mereka



- Bimbing murid melengkapkan dialog dengan menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai.
- KB – Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Baik hati

Pembelajaran Kontekstual

5.11 (iii)
BA: 27-28